

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(A)53**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

53. Penyebaran Wabak COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada ekonomi global dan juga Pulau Pinang. Dalam konteks Pulau Pinang
- (a) Apakah program, usaha dan strategik Kerajaan Negeri untuk menghadapi krisis ekonomi ini?
  - (b) Apakah jenis bantuan kepada SME untuk mereka terus kekal dan relevan di pasaran?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

53. (a) Setelah meneliti isu-isu yang timbul dan mengambil kira keperluan rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dengan anggaran jumlah keseluruhan RM75 juta.

Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang mempunyai tiga objektif utama:

**PERTAMA**, memberikan bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan (*the most vulnerable group*), yakni

penjaja, peniaga kecil, pemandu teksi, penarik beca, pemandu *e-hailing*, OKU dan kumpulan B40.

**KEDUA**, mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti.

**KETIGA**, membolehkan kelangsungan perniagaan atau '*business continuity*' di negeri Pulau Pinang bagi memastikan ekonomi negeri akan terus dibangunkan pasca-31 Mac 2020.

- (b) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang atau secara ringkasnya, Skim Peka PKS untuk membantu usahawan mikro serta usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ataupun SME di Pulau Pinang bagi membolehkan mereka meneruskan perusahaan masing-masing dengan penyediaan pusingan modal yang terjejas dalam tempoh kesukaran ketika penularan wabak COVID-19 sehingga

menyebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Para usahawan PKS Negeri Pulau Pinang boleh mula membuat permohonan Skim Peka PKS bermula **8 April 2020**. Tarikh tutup ialah pada **21 April 2020**.

Menerusi skim tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM30 juta sebagai dana dalam Skim Peka PKS. Agensi yang terlibat dalam pengurusan skim ini ialah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Semua permohonan perlu dibuat atas talian melalui laman web: [www.pdc.gov.my](http://www.pdc.gov.my).